

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan
Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



WEBINAR
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSOLOR (AKNC)

ENTERPRISE QUALITY MANAGEMENT (E-QM) FOR SUSTAINABLE GROWTH

Dr. Huzairah Yusoff, Naimah Yusoff, Naimah Yusoff, Naimah Yusoff

7 April 2025 (online)

230 peserta

Alhamdulillah

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

AKNC

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003

SESI PERKONGSIAN JUARA ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC) 2024

BERSAMA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)



Penceramah:
Puan Nor Azwani Mohamad
(Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR)

 13 Mei 2025 (Selasa)

 2:30 petang

 Microsoft Teams

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Pada 13 Mei 2025 yang lalu, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan satu sesi perkongsian berimpak tinggi yang disampaikan oleh Puan Nor Azwani Mohamad, Timbalan Ketua Pustaka daripada Jabatan Perpustakaan UiTM secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams telah dihadiri seramai 123 peserta daripada seluruh UiTM, sempena kejayaan PTAR muncul sebagai Juara Kategori Bahagian/Pusat/Unit bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2024 serta beberapa anugerah lain yang dimenangi adalah Anugerah Bidang Tumpuan Penyampaian Perkhidmatan dan Anugerah Kriteria Kepimpinan.

Sesi ini bukan sahaja menjadi medan apresiasi, tetapi juga ruang kolaboratif untuk memperkasa amalan terbaik dalam pengurusan kualiti universiti.

Pencapaian cemerlang

Legasi Kecemerlangan selama 17 tahun, Jabatan Perpustakaan bukanlah pemain baharu dalam pentas AKNC. Sejak penyertaan pertamanya pada tahun 2005, jabatan ini telah menampilkan pencapaian cemerlang termasuk gelaran Juara Keseluruhan pada tahun 2007, 2015, 2019, dan pada tahun 2024 sebagai Juara Kategori Bahagian/Pusat/Unit.

Antara kategori lain yang pernah dimenangi termasuk Kepimpinan, Inovasi, Hasil, Pengukuran & Analisis, serta Pembentangan Terbaik.

Fokus strategik dan pemilihan bidang tumpuan AKNC 2024 dipilih berdasarkan pelbagai dokumen dasar strategik seperti Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021–2025, Pelan Pendigitalan UiTM 2022–2025, serta amanat kepimpinan tertinggi universiti dan negara.

Bidang tumpuan

Antara bidang tumpuan adalah Pendigitalan Perpustakaan, Pengurusan Fasiliti & Teknologi, Perkhidmatan dan Kemudahan, serta Pengurusan Perpustakaan yang disokong oleh data dan bukti sahih.

Struktur dan gerak kerja yang sistematik yang dirangka oleh PTAR melibatkan sebanyak 35 orang penulis telah dilantik merangkumi semua 7 kriteria utama AKNC dengan penyelarasan rapi oleh Ketua Unit Kualiti, Puan Siti Aishah Sadan. Penghasilan laporan ini melalui dua siri bengkel penulisan bertempat di Bilik Seminar PTAR dan Hotel UiTM Shah Alam pada Jun dan Julai 2024, disusuli sesi pembentangan kepada Ketua Pustakawan dan panel penilai.

Kriteria

Setiap pasukan penulis melibatkan ketua dan ahli yang ditugaskan secara khusus untuk mengupas kriteria seperti:

- Kepimpinan
- Perancangan Strategik
- Tumpuan Kepada Pelanggan
- Sumber Manusia
- Operasi
- Hasil
- Pengukuran, Analisis & Pengurusan Pengetahuan

Jabatan Perpustakaan turut memanfaatkan pelbagai sumber dokumentasi seperti laporan tahunan, poket statistik, Kamus Tadbir Urus Perpustakaan, dan repositori berkaitan untuk menyokong pencalonan AKNC.

Platform pemantauan

Platform pemantauan seperti EISv3, *Dashboard* Inisiatif dan Pemetaan Proses turut memperkukuh bukti keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik jabatan.


Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa empat (4) kekuatan utama:

- Kepimpinan proaktif yang memacu pembudayaan kualiti.
- Perancangan strategik terarah sejajar hala tuju universiti dan kementerian.
- Kompetensi dan kepakaran staf yang diperkasa secara berterusan.
- Pengurusan data dan maklumat yang sistematik dan bersepadu.

Sesi perkongsian ini turut menyentuh isu cabaran seperti pengurusan masa dan komitmen tugas, namun diatasi melalui sinergi dan kolaborasi seluruh warga kerja.

Kejayaan Jabatan Perpustakaan UiTM sebagai Juara Kategori Bahagian/Pusat/Unit bagi AKNC 2024 bukan sahaja menjadi bukti kekuatan kepimpinan dan budaya kerja berprestasi tinggi, tetapi turut mencerminkan pencapaian kolektif hasil pengurusan berkualiti berteraskan data, inovasi, dan nilai profesionalisme.

Diharapkan kejayaan ini menjadi inspirasi buat Pusat Tanggungjawab lain dalam mencapai kecemerlangan berterusan demi memperkasa agenda universiti sebagai institusi unggul.



KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا تقوى موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003